



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (22 JANUARI 2021)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **terdapat dua (2) kes kematian** baharu melibatkan jangkitan COVID-19 di Sarawak iaitu di Miri (1) dan Sibu (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kematian meningkat kepada **24 kes**.

Manakala terdapat **229 kes** positif COVID-19 yang dikesan di Sarawak [Sibu (168), Miri (28), Kuching (9), Kanowit (7), Sri Aman (7), Lubok Antu (7), Subis (2) dan Bintulu (1)] menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 2,931 kes**.

#### **A. Kes Kematian Baharu COVID-19**

I. **Kes kematian ke-23** merupakan kes ke-2,775 yang melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 48 tahun yang dimasukkan ke Hospital Miri pada 19 Januari 2021 kerana mengalami kesukaran pernafasan disebabkan terlebih air dalam badan akibat co-morbid penyakit buah pinggang kronik.

Saringan rT-PCR yang dijalankan pada 20 Januari 2021 didapati positif pada 21 Januari 2021. Kes disahkan meninggal dunia pada 2:04 pagi 21 Januari 2021. Kes juga mempunyai ko-morbid yang lain seperti kencing manis, darah tinggi dan dislipdemia.

II. **Kes kematian ke-24** merupakan kes ke-2,182 yang melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang berumur 66 tahun yang dimasukkan ke Hospital Sibu pada 17 Januari 2021 kerana mengalami kesukaran dalam pernafasan dan telah diintubasi pada hari yang sama. Beliau disahkan meninggal dunia pada 3:11 pagi, 22 Januari 2021. Saringan ujian rapid test kit antigen dan rT-PCR yang dijalankan pada 17 Januari 2021 didapati positif pada hari yang sama. Kes adalah daripada kluster Pasai. Kes mempunyai ko-morbid seperti kencing manis, darah tinggi dan juga asma.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak mengucapkan ucapan Takziah kepada ahli keluarga mangsa.

## **B. Kes Baharu COVID-19**

### **I. Daerah Sibu (168 Kes)**

- a) **89 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.
- b) **79 kes** lain-lain saringan COVID-19 melibatkan individu yang menjalani saringan ke pusat-pusat kesihatan di Daerah Sibu.

## **II. Daerah Miri (28 Kes)**

- a) **10 kes** yang melibatkan Kluster Pasai. Lapan (8) kes dikategorikan sebagai kes Import C dari Daerah Betong, Beluru dan Bintulu. Dua (2) kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.
- b) **5 kes** yang melibatkan Kluster Jelita.
- c) **4 kes** yang melibatkan Kluster Rakut.
- d) **9 kes** lain-lain saringan COVID-19 melibatkan individu yang menjalani saringan ke pusat-pusat kesihatan di Daerah Miri.

## **III. Daerah Kuching (9 Kes)**

- a) **8 kes** lain-lain saringan COVID-19 melibatkan individu yang menjalani saringan ke pusat-pusat kesihatan di Daerah Kuching.
- b) **1 kes** saringan individu yang balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 melibatkan warga tempatan (Sarawak) iaitu dari Sabah.

## **IV. Daerah Kanowit (7 Kes)**

- a) **7 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.

## **V. Daerah Sri Aman (7 Kes)**

- a) **6 kes** yang melibatkan Kluster Pasai.
- b) **1 kes** saringan tahanan pendatang asing tanpa izin (PATI).

## **VI. Daerah Lubok Antu (7 Kes)**

- a) **7 kes** individu yang disaring kerana mempunyai kontak kepada kes positif COVID-19. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

## **VII. Daerah Subis (2 Kes)**

- a) **1 kes** yang melibatkan Kluster Rakut. Kes dikategorikan sebagai kes Import C dari Daerah Miri.
- b) **1 kes** lain-lain saringan COVID-19 melibatkan individu yang menjalani saringan ke pusat-pusat kesihatan di Daerah Subis.

## **VIII. Daerah Bintulu (1 Kes).**

- a) **1 kes** individu yang balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 melibatkan warga tempatan (Sarawak) iaitu dari Perak.

### C. **Kluster Yang Masih Aktif.**

Hari ini terdapat lapan (8) kluster COVID-19 yang masih aktif di Sarawak iaitu:

- I. **Kluster Rakut, Miri** : terdapat penambahan lima (5) kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 33 kes. Sejumlah 135 individu telah disaring, dimana 64 negatif dan 38 masih menunggu keputusan makmal.
- II. **Kluster Bukit Sekubong, Sebauh** : tiada penambahan kes hari. Jumlah keseluruhan kes kekal 26 kes. Sejumlah 260 individu telah disaring, dimana 234 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.
- III. **Kluster Jelita, Miri** : terdapat penambahan lima (5) kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan kes meningkat kepada 40 kes. Sejumlah 220 individu telah disaring, dimana 160 negatif dan 20 masih menunggu keputusan makmal.
- IV. **Kluster Pasai, Sibu** : terdapat penambahan 112 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 1,094 kes. Sejumlah 10,250 individu telah disaring, dimana 7,500 negatif dan 1,656 masih menunggu keputusan makmal.
- V. **Kluster Keranji Tabuan, Kuching** : tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kes kekal 15 kes. Sejumlah 181 individu telah disaring, dimana 166 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.

**VI. Kluster Bah Sayap, Miri** : tiada penambahan kes hari ini.

Jumlah keseluruhan kes kekal 91 kes. Sejumlah 750 individu telah disaring, dimana 649 negatif dan 10 masih menunggu keputusan makmal.

**VII. Kluster Stutong, Kuching** : tiada penambahan kes hari ini.

Jumlah keseluruhan kes kekal 40 kes. Sejumlah 550 individu telah disaring dimana 510 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.

**VIII. Kluster Mador, Meradong** : tiada penambahan kes hari ini.

Jumlah keseluruhan kes kekal lapan (8) kes. Sejumlah 1,238 individu telah disaring, dimana 1,230 negatif.

#### **D. Status Kes Covid-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital**

Terdapat **141** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini dari Hospital Sibu (68), Hospital Miri (45), Hospital Umum Sarawak (23) dan Hospital Bintulu (5). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih atau dibenarkan discaj meningkat kepada **1,469** orang atau **50.12%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai 1,442 orang iaitu:

- 999 kes di Hospital Sibu;
- 238 kes di Hospital Miri;
- 133 kes di Hospital Umum Sarawak;
- 71 kes di Hospital Bintulu; dan
- 1 kes di Hospital Limbang.

Terdapat tiga (3) kes di Hospital Sibu dan satu (1) kes di Hospital Umum Sarawak yang memerlukan bantuan peralatan tetapi dalam keadaan stabil.

Dengan penambahan dua (2) kes baharu kematian akibat jangkitan COVID-19 pada hari ini, jumlah kes kematian akibat COVID-19 di Sarawak telah meningkat kepada seramai **24 orang atau 0.85% dari jumlah keseluruhan kes psitif COVID-19.**

Hari ini, **293 PUI** baru telah dilaporkan dan **57 PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

### **E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Daerah Kuching, Sibu, Miri, Beluru dan Kanowit kekal berstatus Merah dengan sejumlah **1,400** kes jangkitan tempatan dilaporkan di lima (5) buah daerah ini dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Sebauh dan Dalat juga kekal berstatus Jingga dengan **50** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Serian, Daro, Subis, Belaga, Betong, Meradong, Julau, Kapit, Simunjan, Asajaya, Beluru, Selangau, Samarahan, Sri Aman, Bukit Mabong, Bintulu, Limbang kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan **99** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Manakala 15 daerah lain kekal berstatus Hijau.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat hari ini dan beberapa keputusan telah dibuat seperti berikut:

### **A. Garis Panduan (SOP) Upacara Pengkebumian**

Bagi kehadiran ke upacara pengkebumian di kawasan PKP/PKPB adalah seperti beriku:

#### **i. Kawasan PKPB**

Bagi kawasan PKPB, maksimum 50 orang sahaja dibenarkan untuk menghadiri upacara dan maksimum 30 orang sahaja di tapak pengkebumian.

#### **ii. Kawasan PKP**

Bagi kawasan PKP, untuk upacara dan semasa di tapak pengkebumian, hanya keluarga terdekat sahaja dibenarkan.

Garis Panduan (SOP) upacara pengkebumian ini boleh didapati daripada Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR) dan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS)

### **B. Pengawalan Ketat Pergerakkan di Kawasan Zon Hijau**

Semua pergerakan masuk dan keluar dari kawasan hijau akan diperketatkan oleh PDRM.

### **C. Majlis Sosial dan Keramaian di Kampung dan Rumah Panjang**

Semua majlis sosial dan keramaian di Kampung dan Rumah Panjang adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

### **3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **sembilan (9) kompaun** di daerah Samarahan (5), Matu Daro (2), Padawan (1) dan Kuching (1) kerana telah melanggar SOP.

Manakala Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **102 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu MCC (30), MPP (28), DBKU (20), MD Serian (7), MD Marudi (6), MBKS (5), BDA (3) dan MB Miri (3).

### **4. LAPORAN TANGKAPAN PATI OLEH JABATAN IMIGRESEN NEGERI SARAWAK**

Pihak Jabatan Imigresen telah menangkap **459 PATI** sejak 01 hingga 21 Januari 2021. Daripada jumlah tersebut, tangkapan terdiri daripada warganegara Indonesia (365), Bangladesh (56), Filipina (23), India (12) dan Pakistan (3).

Kesemua PATI ditangkap di terminal bas, Kedai-kedai makan, lapangan terbang, tapak pembinaan, premis perniagaan, pasar, rumah kediaman, rumah sewa, rumah kongsi, kawasan awam, kedai runcit, pasar ikan, tapak semaian/lanskap dan kes yang telah diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Mereka telah ditangkap melalui beberapa siri operasi penguatkuasaan yang dijalankan secara berkala di sekitar bandar Kuching, Serian, Sri Aman, Sarikei, Daro, Sibu, Bintulu, Miri, Limbang dan Lawas serta OPS Jala di Kuching. Kesemua PATI didakwa di bawah Akta Imigresen 1959/63 Seksyen 15 (1)(c) iaitu kesalahan Tinggal Lebih Masa dan Seksyen 6(1)(c) kerana tidak memiliki suatu Pas yang sah semasa di negeri ini. Kesemua tangkapan PATI masih dalam proses siasatan.

## **5. LAPORAN OP BENTENG**

Pada 21 Januari 2021, pihak ATM telah melakukan lima (5) pengusiran warganegara Indonesia di dua (2) lokasi iaitu kawasan ladang sawit tetangga akrab, Balai Ringin Kampung Sg Beruang (4) dan kawasan Tapang Plutan (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan pengusiran dilakukan sejak 01 hingga 21 Januari 2021 adalah seramai 58 orang.

## **6. OPERASI OP JALA**

Hari ini Ops Jala telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak pada 20 Januari 2021 bagi membanteras Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang berisiko COVID-19.

Sehingga kini, sebanyak lapan (8) tapak pembinaan telah di periksa di sekitar Kuching. Seramai 424 orang telah diperiksa dimana 292 adalah warga tempatan dan 132 orang warganegara Indonesia. Daripada jumlah tersebut, seramai 20 PATI telah ditahan di bawah Akta 342, seksyen 15 dan ditahan di pusat kuarantin sementara.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives  
Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK  
22 JANUARI 2021  
5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Cumm. Positive Cases	2702	Total Cases still in ward	1442	49.20%
New Cases	229	Cases in Intensive Care Unit (ICU)	2	0.07%
Total Samples by Individu	272,706	Intubated Cases	4	0.14%
Cumm. Positive Cases	2931	Total Death Cases	24	0.82%
IR per 100,000 population	95.01	Recovered and discharged cases	1,469	50.12%
Lab. Results (PUI)	New	Patient Under Investigation (PUI)	New	Cummulative
Negative	64		293	13,770
Pending Result	30		57	

Current Status		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Limbang	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward		133	999	71	238	1	0	1442
Kes di Intensive Care Unit (ICU)		0	2	0	0	0	0	2
Intubated cases		1	3	0	0	0	0	4
Total Death Cases		17	3	0	4	0	0	24
Recovered and discharged cases	New	23	68	5	45	0	0	141
	Cummulative	974	233	67	181	1	3	1459
Total re-admission cases (Re-tested Positive)		9	9	3	1	0	0	22
TOTAL NOT ADMITTED		3	4	1	0	0	0	8
TOTAL ADMISSION (Individu)		1123	1235	138	423	1	3	2923

DAERAH MERAH (5)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kanowit	0	103	7	141	11	13	0	1	127	141	127
2	Beluru	0	49	0	62	4	4	0	0	58	62	57
3	Miri	28	1150	28	333	41	151	1	4	178	256	194
4	Sibu	176	1132	168	1006	54	187	1	2	817	1226	961
5	Kuching	63	8,299	9	875	19	789	0	12	74	107	61
Jumlah		267	10,733	212	2,417	129	1144	2	19	1254	1792	1400

DAERAH JINGGA (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Dalat	0	57	0	28	0	2	0	0	26	28	23
2	Sebauh	0	30	0	27	5	5	0	0	22	27	27
Jumlah		0	87	0	55	5	7	0	0	48	55	50

DAERAH KUNING (18)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Pakan	0	1	0	1	0	0	0	0	1	1	1
2	Serian	3	447	0	27	0	24	0	0	3	3	1
3	Subis	1	3	2	4	0	4	0	0	4	4	3
4	Belaga	0	10	0	2	0	0	0	0	2	2	1
5	Betong	0	210	0	34	0	17	0	0	17	17	15
6	Meradong	0	41	0	6	0	4	0	0	2	2	2
7	Julau	0	6	0	5	0	0	0	0	5	5	2
8	Kapit	0	40	0	3	0	0	0	0	3	3	1
9	Simunjan	0	70	0	11	0	8	0	0	3	3	1
10	Asajaya	0	48	0	9	0	7	0	0	2	2	2
11	Lubok Antu	8	45	7	17	0	4	0	0	13	13	13
12	Sarikei	0	105	0	19	1	7	0	0	12	13	13
13	Limbang	0	38	0	15	0	13	0	1	1	2	1
14	Selangau	0	2	0	9	2	3	0	0	6	9	9
15	Samarahan	2	640	0	127	1	114	0	4	9	11	4
16	Sri Aman	7	72	7	21	3	8	0	1	12	15	11
17	Bukit Mabong	0	1	0	1	0	0	0	0	1	1	1
18	Bintulu	3	496	1	105	0	64	0	0	41	44	20
Jumlah		24	2,275	17	416	7	277	0	6	137	150	101

DAERAH HIJAU (15)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	0	30	0	12	0	12	0	0	0	0	0
2	Lundu	2	267	0	8	0	8	0	0	0	0	0
3	Bau	0	194	0	7	0	7	0	0	0	0	0
4	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
5	Tebedu	0	9	0	8	0	7	0	0	1	1	0
6	Mukah	0	65	0	1	0	1	0	0	0	0	0
7	Matu	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
8	Saratok	0	30	0	1	0	0	0	0	1	1	0
9	Pusa	0	10	0	2	0	2	0	0	0	0	0
10	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
11	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
12	Daro	0	10	0	2	0	1	0	0	1	1	0
13	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
14	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
15	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		2	675	0	43	0	40	0	0	3	3	0

Jumlah Besar	293	13,770	229	2,931	141	1,469	2	24	1,442	2,000	1,551
--------------	-----	--------	-----	-------	-----	-------	---	----	-------	-------	-------

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **551 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **73 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **6,181 orang**. Manakala seramai **54,269 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 22.01.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (3,026)</b>	Hock Lee	99
2		Grand Dormani	81
3		Kuching Park	145
4		Pullman	489
5		Hilton	412
6		Harbour View	265
7		Riverside (Astana Wing)	197
8		Grand Margherita	336
9		Imperial Boulevard	193
10		Tune Hotel	83
11		Dormani Hotel	45
12		Grand Continental	227
13		Meritin	80
14		Longhouse	84
15		Abell	59
16		Lot 10	36
17		Telang Usan	55
18		Imperial Riverbank	96
19		Kingwood	44
20	<b>Miri (1,186)</b>	Mega Hotel	204
21		Somerset	33
22		Imperial Palace	187
23		Eastwood Valley	29
24		Imperial New Wing	202
25		Paragon	105
26		Meritz	203
27		Miri	33
28		Dynasty	99
29		Kenyalang Suite	44
30		Citi Hotel	26
31		Nova	21
32		Wasan Inn	39
33		Fairfield by Marriot	73
34		Kidurong Inn	42

35	<b>Bintulu (1,122)</b>	Motel Kapok	73
36		Faber Inn	40
37		AA Inn	19
38		Ambassador	80
39		Kemenia Inn	23
40		Green	131
41		Kemenia Plaza	123
42		40ty Inn	25
43		Lengkap Inn	44
44		Studio Inn	33
45		Sunstar Inn	14
46		Parkcity Garden	20
47		Mega Inn	12
48		Kriss Lodge	32
49		Central Inn	28
50		Welcome Inn	21
51		Parkcity Garden 2	83
52		Lucky 5 Inn	35
53		900 Inn	0
54		New World Suite	12
55		Golden Bay	9
56		Kemenia Resort	103
57		Inn 85	8
58	<b>Limbang (246)</b>	Purnama	72
59		Mandarin (Lawas)	34
60		Shangsan (Lawas)	25
61		Seri Malaysia (Lawas)	115
62	<b>Sibu (319)</b>	Premier	196
63		Diocesan Pastoral	0
64		Kawan	106
65		Sarawak	17
66	<b>Samarahan (135)</b>	INFRA	44
67		Kolej Rafflesia, UNIMAS	56
68		UiTM	35
69	<b>Sarikei (91)</b>	Garden Hotel	67
70		Dragon	24
71	<b>Betong (56)</b>	Mega Inn	5
72		Medan Inn	19
73		Victoria Inn	32
		<b>Jumlah PUS</b>	<b>6,181</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **29 lokasi di Sibu (10), Sarikei (6), Miri (4), Kapit (3), Kuching (2), Bintulu (2) Serian (1) dan Betong (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,340 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 22.01.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>2</b>	<b>741</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>4</b>	<b>496</b>
<b>3</b>	<b>Sibu</b>	<b>10</b>	<b>245</b>
<b>4</b>	<b>Sarikei</b>	<b>6</b>	<b>156</b>
5	Samarahan	TIADA	143
<b>6</b>	<b>Bintulu</b>	<b>2</b>	<b>131</b>
7	Limbang	TIADA	100
<b>8</b>	<b>Serian</b>	<b>1</b>	<b>77</b>
<b>9</b>	<b>Kapit</b>	<b>3</b>	<b>75</b>
<b>10</b>	<b>Betong</b>	<b>1</b>	<b>63</b>
11	Mukah	TIADA	57
12	Sri Aman	TIADA	56
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,340</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **59 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 22.01.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MPP	2
2	MD Serian	3
3	MD Betong	1
4	MD Lubok Antu	1
5	SMC	10
6	BDA	1
7	MD Meradong & Julau	4
8	MCC	18
9	MD Marudi	5
10	MD Subis	5
11	MD Lawas	9
<b>Jumlah</b>		<b>59</b>

## 5. LOKASI DAN MASA KES POSITIF DILAPORKAN

### BAHAGIAN KUCHING

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Damai Golf Club	Workplace	until 17.01.2021	NR
Da' Apple, Jln Chan Chin Ann	Kopitiam	8.01.2021	10.00 am - 10.30 am
Eighty Eight Buntal Seafood Corner	Restaurant	9.01.2021	8.00 pm - 9.00 pm
Gereja SDA Batu Kawa	Church	9.01.2021	11.00 am - 12.00 pm
Siang Siang MJ Corner, Petrajaya	Kopitiam	11.01.2021	7.00 am - 7.30 am
CS Mini Market, Tabuan Tranquility	Social activity - Customer	13.01.2021	11.00 am - 12.00 pm
Premier Food Republic, TT3	Kopitiam	13.01.2021	12.15 pm - 1.00 pm
AEON KUCHING (Nando's, Kaison)	Social activity - Customer	14.01.2021	1.30 pm - 4.00 pm
CHOICE BAZARIA, MATANG	Social activity - Customer	14.01.2021	8.00 pm - 9.00 pm
The Eleven BBQ Steamboat, Jln Ban Hock	Restaurant	16.01.2021	7.30 pm - 9.00 pm
Chan Furniture, Matang	Social activity - Customer	20.01.2021	10.30 am - 11.00 am
Emart Matang	Social activity - Customer	20.01.2021	11.15 am - 12.00 pm

### BAHAGIAN SAMARAHAN

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
TK Café Samarahan	Café	15,16.01.2021	7.00 am - 7.30 am
Feng Garden Café Samarahan	Café	13,15.01.2021	12.00 pm - 1.00 pm

## BAHAGIAN SIBU

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Pau Café	Kopitiam	06.01.2021	1.11 pm - 2 pm
Farley Sibu Sdn Bhd	Supermarket	18.01.2021	5.32 pm - 6.15 pm
Gmart Superstore Lrg Ulu Oya 11	Supermarket	20.01.2021	7.08 pm - 7.30 pm
Sajian Ummi Sibu	Kopitiam	13.01.2021	8.54 am - 9.45 am
Max Gym Sibu	Gym	09.01.2021	3.48 pm - 5.00 pm
Kedai Cili-Permai Sibu	Kopitiam	12.01.2021	2.10 pm - 2.45 pm
Sri Pelita Permai Sibu	Kopitiam	14.01.2021	8.51 pm - 9.30 pm
Wadira Food Court Sibu	Food Court	13.01.2021	1.47 pm - 2.30 pm

## BAHAGIAN SARIKEI

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Pejabat Perangkaan Cawangan Sarakei, Sarakei	Office	18.01.2021 - 20.01.2021	8.00 am - 5.00 pm

## BAHAGIAN MIRI

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Gua Longhouse Chalet	Wedding Event	9.01.2021	6.30 pm - 12.00 am
Seng Kee Miri Food Centre, Jalan Bendahara	Eatries	11.01.2021	9.00 am - 10.15 am
Al Asna, Jalan Pelita	Eatries	12.01.2021	2.10 pm - 2.30 pm
Hot Cross Bun Bakery, Permyjaya	Bakery	17.01.2021	4.10 pm - 5.30 pm

## BAHAGIAN BINTULU

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Times Square Bintulu	Mall - Customer	10.01.2021	3.44 pm - 4.20 pm
Newcity Slipper Shop- Times Sq	Mall - Customer	10.01.2021	3.53 pm - 3.57 pm
Padini (Times Sq)	Mall - Customer	10.01.2021	3.58 pm - 4.20 pm
Boulevard Hypermarket	Supermarket - Customer	10.01.2021	6.22 pm - 6.55 pm
YOYO Café	Kopitiam-Customer	13.01.2021	8.30 am - 9.30 am
Hong Kong Pau (Medan)	Kopitiam - Customer	15.01.2021	12.00 pm - 1.00 pm
I Café Bintulu	Kopitiam - Customer	16.01.2021	9.37 am - 10.00 am
Golf Club Kidurong	Social - Customer	17.01.2021	12.00 pm - 6.00 pm
Wei and Mei Beauty Hair Saloon	Saloon - Customer	17.01.2021	2.23 pm - 3.30 pm
MDS Mart Belakang Columbia	Mart - Customer	17.01.2021	3.45 pm - 4.15 pm
Arryan Kopitiam Bintulu - Townsquare	Kopitiam - Customer	18.01.2021	11.00 am - 11.30 am
Sapura Energy ( Ibraco )	Tempat kerja - Pekerja	19.01.2021	8.00 am - 5.00 pm
D&D mini Mart Liang Trading Sg Plan	Kedai runcit - Customer	19.01.2021	3.40 pm - 3.50 pm
Min Chen General Store	Kedai runcit - Customer	19.01.2021	3.55 pm - 3.58 pm
Hua Seng 2012 Mini Market	Kedai runcit - Customer	19.01.2021	4.00 pm - 4.05 pm
Yess Dobi Columbia	Dobi - Customer	19.01.2021	11.10 am - 12.10 pm
Kedai Runcit Dangdut (Belakang Blok D) Sg Plan	Kedai runcit - Customer	20.01.2021	11.10 am - 12.00 pm